

PUSAT KONVENSYEN RAI GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK

Bagi mereka yang terbabit dalam bidang korporat di ibu negara, nama Pusat Konvensyen Kuala Lumpur memang cukup terkenal kerana sering menjadi tumpuan golongan itu atau penganjur majlis berskala besar mengadakan pertemuan atau acara rasmi.

Terletak berhampiran mercu tanda Malaysia, Menara Berkembar Kuala Lumpur, ia secara tidak langsung membantu lokasi itu menjadi destinasi pilihan pelbagai pihak untuk mengadakan pelbagai acara.

Meskipun lokasi berkenaan sering kali dikaitkan dengan acara berprestij, sempena sambutan Aidilfitri, operator pusat konvensyen itu tidak mengetepikan aktiviti sosial korporatnya

dengan menyumbangkan RM4,000 kepada beberapa pihak yang kurang bernasib baik.

Dalam kenyataan medianya, sumbangan itu diberikan kepada tiga badan amal dan meraikan lebih 70 kanak-kanak dari Living Hope dan Yayasan Generasi Gemilang (GG), hampir 40 pesakit Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia dan ahli keluarga mereka dalam satu majlis Rumah Terbuka Hari Raya anjurannya.

Pengurus Besarnya, Alan Pryor berkata, pada tahun ini, sebagai sebahagian daripada inisiatif perhubungan masyarakat, majlis berbuka puasa yang dianjurkan dapat menghidupkan semangat menyumbang dengan ikhlas.



PUSAT Konvensyen Kuala Lumpur meraikan golongan kurang bernasib baik dalam acara amal sempena sambutan Aidilfitri.

“Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, kami bertekad untuk menyumbangkan lima peratus hasil jualan tempahan berbuka puasa daripada orang ramai pada Ramadan lalu kepada badan

kebajikan yang terpilih.

“Menerusi usaha itu kami meraih RM12,000 secara keseluruhan dan mengagihkan secara saksama antara ketiga-tiga organisasi berkenaan,” katanya.

Tambahnya, pusat konvensyen itu amat gembira dengan jumlah wang yang dikutip untuk Living Hope, Yayasan Generasi Gemilang dan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.

Malah badan kebajikan itu mempunyai hubungan rapat dengan pusat konvensyen berkenaan dan menjadi tetamu kehormat di majlis berbuka puasa anjurannya selama beberapa tahun.

“Kami gembira dengan silaturahim yang terjalin dengan organisasi ini dan berharap untuk terus mengeratkan hubungan ini,” katanya.

Semua tetamu dijamu dengan aneka pilihan sajian masakan tradisional dan moden di samping sajian kegemaran Ramadan yang disediakan cef pemenang anugerah.

Kemuncak acara ialah pemberian kuih-muih dan duit raya oleh Pryor dan pasukan pengurusan kanan kepada semua kanak-kanak yang hadir.